

Dunia perlu jaguh baru: PM

BH 2 5MAY 1993

SEOUL, Isnin — Asia Timur, yang terbukti berupaya menerima dan memanfaatkan sistem baru, perlu memperjuangkan kerjasama ekonomi serantau yang terbuka untuk dicontohi masyarakat dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.


Menurut Perdana Menteri, walaupun Barat sentiasa mendahului dalam pelbagai bidang, ini bukan bermakna Asia Timur tidak mampu membentuk Orde Baru Dunia.

Beliau berkata, dunia memerlukan jaguh baru yang berupaya mewujudkan sistem perdagangan bebas kerana kumpulan dan pembuat sistem dagangan terbuka sebelum ini, gagal dalam usaha mereka.

"Inilah salah satu punca utama Malaysia mengetengahkan pembentukan kumpulan Asia Timur, atau Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), supaya kita boleh bergabung, membentuk satu kekuatan serantau bagi menjayakan Pusingan Uruguay dan memperbaharui sistem dagangan bebas terbuka yang ada sejak Bretton Woods.

"Sistem terbuka yang sejagat membolehkan kita berada di tahap sekarang. Masa depan kita bergantung kepada sistem dagangan sejagat yang terbuka," katanya ketika menyampaikan ucapan di Forum Pemimpin Majlis Ekonomi Lingkungan Pasifik (PBEC) di Pusat Seni Seoul, di sini hari ini.

Tajuk ucapannya ialah 'Keterbukaan Serantau: Asas Baru ke Arah Kerjasama Sejagat? Perspektif



Asia Timur.' Dua pemimpin lain yang turut berucap ialah Presiden Korea Selatan, Kim Youngsam dan Presiden Filipina, Fidel Ramos.

Lebih 700 ahli perniagaan dan politik dari 15 negara anggota PBEC termasuk Malaysia dan negara pemerhati menghadiri Mesyuarat Agung Antarabangsa (IGM), ke-26 PBEC, yang dirasmikan oleh Presiden Kim.

Dr Mahathir berkata, walaupun Asia Timur menyifatkan kerjasama dagangan terbuka itu amat penting tetapi beberapa 'rakan' bertelagah mengenai perkara yang remeh-temeh yang boleh menentukan masa depan rantau ini.

"Apakah perlu kita bergabung tenaga untuk memperjuangkan kepentingan negara serta rantau ini dan untuk kepentingan dunia keseluruhannya?" tanya beliau.

Menurutnya, tindakan menghalang rakyat Asia Timur daripada menyumbangkan kepada falsafah dan sistem baru, kerana kebimbangan tertentu, akan menyekat penggunaan ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh masyarakat rantau ini untuk kepentingan dunia keseluruhannya.

Dr Mahathir, yang menyatakan blok perdaga-

Sistem dagangan terbuka sejagat

DARI MUKA 1

nomi di luar EC.

"Keterbukaan serantau akan wujud jika benar-benar ada kelonggaran perdagangan dalam dan halangan kepada ekonomi luar dikurangkan. Ia adalah penyumbang kepada sistem dagangan terbuka yang sejagat," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, penyatuan ekonomi Asia Timur adalah berlandaskan tarikan pasaran dan perniagaan semata-mata bukannya seperti di Eropah dan tempat lain di dunia ini.

"Saya percaya masa depan penyatuan ekonomi Asia Timur perlu kekal kepada tarikan pasaran serta perniagaan dan kerajaan juga perlu membantu ke arah itu," katanya.

Menurut beliau, kerjasama ekonomi Asia Timur yang dicadangkan oleh Malaysia untuk memastikan konsep serantau Asia Timur mewujudkan hasil yang memanfaatkan rantau ini dan tidak mengetepikan rakan-rakan yang berada di luar.

ngan kini sudah menjadi satu amalan di dunia, juga menggariskan tiga syarat utama mewujudkan keterbukaan serantau yang boleh diamalkan oleh Asia Timur terutama kesediaan mengurangkan halangan ekonomi di negara bukan anggota.

Menurutnya, syarat lain ialah anggota serantau perlu jujur untuk melonggarkan syarat hubungan ekonomi di antara mereka dan sanggup bertolak-ansur dalam menjayakan konsep serantau itu.

Perdana Menteri berkata, ketiga-tiga syarat itu adalah ujian penting tetapi semua 55 skim perdagangan serantau selepas perang gagal melepasi syarat untuk mengurangkan halangan ekonomi negara bukan anggota.

Sehubungan dengan itu, katanya, bagi setiap kumpulan serantau yang ingin menjadi contoh bentuk kerjasama serantau yang terbuka, perlu mempunyai hasrat untuk membuka rantau mereka kepada dunia luar.

Katanya, Projek 1992, bertujuan mewujudkan kesatuan ekonomi sepenuhnya oleh Kesatuan Eropah (EC), bukan bercadang mengurangkan halangan-halangan eko-

LIHAT MUKA 2